

23/06/1998

EON jual 21,000 kereta dalam 5 bulan

Abdul Halim Yusoff

EDARAN Otomobil Nasional Bhd (EON) pengedar kereta keluaran Perusahaan Otomobil Nasional Bhd, dalam tempoh lima bulan pertama tahun ini sudah menjual 21,000 kereta Proton sekali gus merekodkan penguasaan pasaran automotif sebanyak 54 peratus berbanding 45 peratus yang direkodkan pada tahun lalu.

Pengerusi EON, Tan Sri Mohd Saleh Sulong, berkata jualan Proton mula mencatatkan kenaikan ketara berikutan pengumuman kerajaan melonggarkan syarat pinjaman jual beli bagi kenderaan berharga RM40,000 ke bawah dan langkah pemasaran agresif yang dijalankan syarikat itu.

Langkah kerajaan meningkatkan tempoh bayaran balik dari lima ke tujuh tahun dan pinjaman daripada 70 peratus kepada 80 peratus.

Saleh berkata, keadaan itu menyumbang kepada peningkatan jumlah jualan kereta Proton dan model lain yang setanding dari harga dengannya.

"Namun demikian, saya percaya jumlah jualan akan menjadi lebih baik kalaulah sekiranya kerajaan bersetuju untuk memberi kelonggaran bagi kereta berharga bawah RM60,000," katanya.

Beliau berkata demikian di majlis pengumuman pelanggan EON ke sejuta oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Shah Alam, semalam.

Sementara itu, Usaha Proton-DRB, pengedar model Proton yang lain, menjual 4,400 kereta dalam tempoh Januari hingga Mei tahun ini.

Katanya, EON sudah menggunakan beberapa kaedah bagi meningkatkan permintaan terhadap kereta Proton, termasuk mengurangkan harga dan meningkatkan pengiklanan.

Setakat Mei tahun ini, EON Motoria, sebuah anak syarikat EON, menjual kira-kira 800 kereta baikpuluh dengan nilai berjumlah RM20 juta.

Mengenai eksport kereta Proton baru, beliau berkata bagi suku pertama tahun ini, nilai eksport berjumlah RM268 juta nilai telah dicapai.

Kumpulan ini telah meletakkan sasaran eksport sejumlah 52,000 unit tahun ini berbanding 27,000 unit yang dieksport tahun lalu.

"Kami yakin kumpulan DRB-Hicom akan dapat meningkatkan eksport sehingga lebih RM1 bilion dalam tahun 1998," katanya.

Sehubungan ini, sebuah syarikat baru bernama DRB-Hicom Export Corporation Sdn Bhd ditubuhkan.

Saleh berkata, syarikat itu akan terbabit dalam usaha mengeksport motosikal Modenas dan trak Perkasa Hicom serta komponen kereta.

Pada 2 Julai, DRB-Hicom Export Corporation akan menandatangani perjanjian dengan enam pengedar di Cyprus, Argentina, Malta, Mauritius, Brunei dan Singapura.

(END)